



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

**SYARAT-SYARAT AM PELAKSANAAN PROSES PENGUJIAN /
PROOF OF CONCEPT (POC) UNTUK PERKHIDMATAN BERKONSEPKAN
*BUS ON DEMAND (BOD)***

Syarat-syarat umum yang akan dikenakan ke atas mana-mana pihak yang berhasrat melaksanakan proses POC bagi konsep perkhidmatan *Bus On Demand* (BOD) adalah seperti berikut:

1. Tempoh masa POC

- 1.1 Pelaksanaan POC ini adalah sehingga 31 Ogos 2024. Tiada sebarang pelanjutan tempoh masa akan dibenarkan.
- 1.2 Tempoh sehingga 31 Ogos 2024 merupakan tempoh maksima yang diberikan dan pihak syarikat boleh memilih untuk menggunakan tempoh maksima ataupun kurang mengikut kesesuaian syarikat masing-masing. Perkara ini bagi membolehkan Kementerian Pengangkutan (MOT) dapat memuktamadkan pelaksanaan proses-proses lain berkaitan seperti proses pindaan akta, peraturan dan sebagainya tanpa kelewatan.
- 1.3 Pelaksanaan POC adalah terbuka kepada mana-mana pihak selagi mana mematuhi semua peraturan POC yang akan ditetapkan.

2. Lokasi POC

- 2.1 Lokasi pelaksanaan POC adalah terhad kepada zon dan hentian yang diluluskan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sahaja;
- 2.2 Syarikat yang menjalankan perkhidmatan POC (selepas ini dirujuk sebagai “penyedia perkhidmatan”) hendaklah menyatakan zon dan hentian yang ingin mereka beroperasi semasa membuat permohonan; dan

- 2.3 Penyedia perkhidmatan hendaklah menetapkan lokasi hentian bas pada aplikasi. Perkhidmatan mengambil dan menurunkan penumpang hanya boleh dibuat berdasarkan lokasi hentian yang telah ditetapkan sahaja.

3. Syarat berhubung kenderaan

- 3.1 Kelas lesen yang dibenarkan untuk digunakan di bawah POC adalah seperti berikut:
- a) bas berhenti-henti;
 - b) bas pengantara;
 - c) bas persiaran; dan
 - d) bas sekolah.
- 3.2 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan kenderaaan yang digunakan mempunyai permit kenderaan/ lesen kenderaan yang sah.
- 3.3 Jenis badan kenderaan yang dibenarkan adalah seperti berikut:

Jenis badan kenderaan	Kod Badan
Bas mini	BAS
Coaster	BAS
Van	VAN

Jenis badan kenderaan boleh disemak di dalam Sijil Pemilikan Kenderaan / *Vehicle Ownership Certificate* (VOC) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ);

- 3.4 Panjang badan kenderaan adalah tidak lebih daripada 8.9 meter;
- 3.5 Had usia penggunaan kenderaan adalah tidak lebih daripada 10 tahun daripada tarikh didaftarkan di JPJ (terpakai kepada kenderaan berstatus CKD dan CBU);
- 3.6 Muatan tempat duduk yang dibenarkan adalah 31 tempat duduk termasuk pemandu (maksima);
- 3.7 Jumlah penumpang yang boleh dibawa adalah berdasarkan kapasiti tempat duduk kenderaan sahaja; dan
- 3.8 Kenderaan adalah bebas daripada senarai hitam JPJ/ Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan tidak mempunyai perkara yang belum diselesaikan di bawah mana-mana akta terlibat.

4. Syarat berhubung tambang

- 4.1 Kadar tambang adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan dan tidak tertakluk kepada kadar tambang bas berhenti-henti. Namun, formula kiraan tambang perlu dikongsi kepada APAD sebagai rujukan;
- 4.2 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan anggaran jumlah tambang pada ketika tempahan dibuat dimaklumkan kepada penumpang sebelum penumpang memilih untuk mengesahkan tempahan;
- 4.3 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan resit yang boleh dimuat turun dihantar kepada penumpang melalui medium elektronik sebaik sahaja perjalanan tamat;
- 4.4 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan resit tersebut mempunyai maklumat-maklumat seperti berikut:
 - a) nama aplikasi;
 - b) nama penuh pemandu;
 - c) nombor pendaftaran kenderaan;
 - d) masa dan lokasi perjalanan dimulakan dan tamat;
 - e) jarak perjalanan; dan
 - f) perincian jumlah tambang (termasuk bayaran tol, jika berkenaan).

5. Syarat penggunaan tanda pengenalan

- 5.1 Penyedia perkhidmatan adalah diwajibkan meletakkan satu tanda pengenalan ke atas kenderaan bagi memudahkan proses pengecaman dan pengawalseliaan; dan
- 5.2 Tanda pengenalan tersebut hendaklah mempunyai perkataan BOD dan mempunyai lambang syarikat.

6. Syarat berhubung model operasi

- 6.1 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan pemandu beroperasi melalui aplikasi sahaja dan tidak dibenarkan untuk mengambil penumpang melalui tahanan tepi jalan (*street hailing*) ataupun di hentian bas; dan
- 6.2 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan pemandu memberikan perkhidmatan mengikut tempahan yang diterima daripada aplikasi dan tidak tawar-menawar selepas berjaya mendapat tempahan.

7. Syarat penyediaan platform aplikasi atas talian

Penyedia perkhidmatan hendaklah:

- 7.1 memastikan aplikasi sedia untuk dimuat turun dalam Play Store dan Apps Store oleh mana-mana pihak yang akan menggunakan;
- 7.2 memastikan aplikasi berfungsi dengan baik sepanjang tempoh POC dilaksanakan;
- 7.3 memastikan aplikasi mempunyai akaun pemandu dan penumpang serta mempunyai butang kebenaran berkongsi maklumat peribadi;
- 7.4 memastikan identiti dan gambar pemandu dipaparkan pada aplikasi penumpang;
- 7.5 memastikan hanya pemandu dan penumpang yang telah berdaftar sahaja dibenarkan untuk menggunakan aplikasi;
- 7.6 mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 semasa menguruskan maklumat peribadi pemandu, penumpang atau mana-mana pihak yang lain; dan
- 7.7 membenarkan APAD dan JPJ mengakses sistem aplikasi berkenaan dan mendapatkan maklumat apabila diperlukan termasuklah bagi tujuan audit.

8. Syarat berhubung pemandu

- 8.1 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan pemandu yang dibenarkan untuk beroperasi:
 - a) merupakan seorang warganegara Malaysia;
 - b) berumur tidak kurang 21 tahun;
 - c) memiliki lesen memandu kompeten (*competent driving licence – CDL*);
 - d) memiliki lesen kenderaan perkhidmatan awam (*public service vehicle license – PSV*); dan
 - e) bebas daripada senarai hitam JPJ/ PDRM.

9. Syarat penyertaan POC

- 9.1 Syarikat Berhad/ Sendirian Berhad/ Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);

- 9.2 Mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah atau ahli lembaga koperasi berstatus warganegara Malaysia dan menetap di Malaysia; dan
- 9.3 Mempunyai modal berbayar sekurang-kurangnya RM100,000.

10. Syarat berhubung tanggungjawab penyedia perkhidmatan

- 10.1 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan terdapat kelengkapan penerimaan tempahan yang berfungsi sepenuhnya seperti telefon pintar dengan bateri yang mencukupi di dalam kenderaan bagi setiap perjalanan;
- 10.2 Penyedia perkhidmatan hendaklah memastikan pemandu dan penumpang mematuhi semua peraturan jalan raya dan peraturan-peraturan semasa yang berkuatkuasa;
- 10.3 Penyedia perkhidmatan hendaklah memaparkan notis dengan jelas kepada pemandu dan penumpang mengenai kesalahan-kesalahan utama yang perlu dielakkan; dan
- 10.4 Penyedia perkhidmatan hendaklah menyediakan saluran pengurusan aduan dan pertanyaan dengan jelas seperti alamat emel atau nombor telefon sama ada pada aplikasi yang dioperasikan atau laman sesawang yang mudah dicapai.

11. Syarat keperluan perlindungan insurans

- 11.1 Penyedia perkhidmatan yang berhasrat melaksanakan POC adalah wajib untuk menyediakan kemudahan perlindungan insurans kepada pemandu, penumpang dan pihak ketiga.
- 11.2 Kerajaan tidak akan mengawal premium atau jumlah perlindungan yang ditetapkan. Perkara ini hendaklah diputuskan di antara pihak berkenaan dan syarikat insurans.

12. Syarat pengumpulan dan perkongsian data

- 12.1 Penyedia perkhidmatan adalah diwajibkan untuk merekod maklumat umum mengenai perkhidmatan BOD sepetimana berikut:
 - a) Maklumat pemandu;
 - b) Maklumat pengguna berdaftar;
 - c) Maklumat berhubung kenderaan; dan
 - d) Maklumat tempahan dan penumpang.

- 12.2 Semua maklumat ini akan dikongsikan secara *real-time*, bila diperlukan atau berkala dengan MOT, JPJ, Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS) dan mana-mana institusi penyelidikan atau badan-badan yang mempunyai kepentingan yang diiktiraf oleh MOT.

13. Penghantaran laporan / analisa POC secara bulanan

- 13.1 Penyedia perkhidmatan adalah diwajibkan mengemukakan laporan mengandungi maklumat operasi dan perkhidmatan yang dikumpulkan secara bulanan kepada APAD, MOT dan JPJ. Salinan format maklumat yang diperlukan adalah seperti di Lampiran B.

14. Obligasi kepada Kerajaan

- 14.1 Apa-apa risiko berbangkit susulan dengan pelaksanaan dan penggunaan perkhidmatan BOD di sepanjang tempoh POC adalah ditanggung sepenuhnya oleh penyedia perkhidmatan.
- 14.2 Tiada sebarang obligasi kepada Kerajaan untuk melanjutkan tempoh POC atau membenarkan konsep BOD ini dilaksanakan di Malaysia. Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan tiada tertakluk atau tidak boleh ditafsirkan sebagai memberi apa-apa komitmen kepada pihak penyedia perkhidmatan untuk membenarkan BOD dilaksanakan di masa hadapan dan berhak pada bila-bila masa menamatkan pelaksanaan POC tanpa memerlukan persetujuan pihak penyedia perkhidmatan. Kerajaan akan memutuskan sama ada membenarkan atau sebaliknya perkhidmatan ini dengan mengambil kira maklumat yang akan diperolehi daripada proses POC, maklum balas daripada orang ramai dan lain-lain pemegang taruh.

15. Penggantungan / Pembatalan POC

- 15.1 Penyedia perkhidmatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua pihak terlibat mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa. Penyedia perkhidmatan juga adalah bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang selamat kepada pemandu, penumpang dan pihak ketiga;
- 15.2 POC akan digantung atau dibatalkan sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran undang-undang, peraturan jalan raya atau kemalangan jalan raya sama ada melibatkan kecederaan atau kematian yang disebabkan oleh kecuaian pemandu atau sebaliknya, serta kenderaan digunakan bagi tujuan tidak bermoral seperti rompakan dan lain-lain; dan

- 15.3 POC juga akan dibatalkan sekiranya penyedia perkhidmatan melanggar mana-mana syarat POC yang ditetapkan.

1) Senarai maklumat pemandu

BIL	NAMA PEMANDU	NO KAD PENGENALAN	JANTINA	TARIKH TAMAT PSV	NO TELEFON	NEGERI OPERASI
1						
2						
3						

Nota

- a) Semua maklumat hendaklah diisi dengan format HURUF BESAR;
- b) Nama pemandu hendaklah dimasukkan dengan nama sebenar sebagaimana di Kad Pengenalan;
- c) No Kad Pengenalan hendaklah dimasukkan menggunakan format XXXXXX-XX-XXXX (contoh 971010-14-2101);
- d) Jantina hendaklah dimasukkan sebagai Lelaki atau Perempuan;
- e) Tarikh tamat PSV hendaklah dimasukkan menggunakan format XX-XX-XXXX (contoh 20-04-2022);
- f) No telefon hendaklah dimasukkan menggunakan format 60XX-XXXXXXX (contoh 6012-9876543); dan
- g) Negeri operasi hendaklah dimasukkan berdasarkan pilihan negeri-negeri berikut:
 - Johor
 - Melaka
 - Perak
 - Selangor
 - WP Putrajaya
 - Kedah
 - Negeri Sembilan
 - Perlis
 - Terengganu
 - Kelantan
 - Pahang
 - Pulau Pinang
 - WP Kuala Lumpur

2) Senarai maklumat pengguna berdaftar

BIL	NAMA PENGGUNA	NO KAD PENGENALAN	JANTINA	NO TELEFON	NEGERI DIDAFTARKAN	KATEGORI PENGGUNA
1						
2						
3						

Nota

- a) Semua maklumat hendaklah diisi dengan format HURUF BESAR;
- b) Nama pengguna hendaklah dimasukkan dengan nama sebenar sebagaimana di Kad Pengenalan;
- c) No Kad Pengenalan hendaklah dimasukkan menggunakan format XXXXXX-XX-XXXX (contoh 971010-14-2101);
- d) Jantina hendaklah dimasukkan sebagai Lelaki atau Perempuan;
- e) No telefon hendaklah dimasukkan menggunakan format 60XX-XXXXXXX (contoh 6012-9876543); dan
- f) Negeri didaftarkan hendaklah dimasukkan berdasarkan pilihan negeri-negeri berikut:
 - Johor
 - Melaka
 - Perak
 - Selangor
 - WP Putrajaya
 - Kedah
 - Negeri Sembilan
 - Perlis
 - Terengganu
 - Kelantan
 - Pahang
 - Pulau Pinang
 - WP Kuala Lumpur
- g) Kategori pengguna hendaklah dimasukkan berdasarkan pilihan berikut:
 - Dewasa
 - Pelajar berpakaian seragam sekolah rendah atau menengah
 - Warga emas (60 tahun ke atas)
 - Kanak-kanak (di bawah umur 7 tahun)
 - Orang kurang upaya (OKU)

3) Senarai maklumat kenderaan

BIL	NO PENDAFTARAN KENDERaan	NAMA PEMILIK	NO ID PEMILIK	TARIKH PENDAFTARAN JPJ	KELAS KEGUNAAN	JENIS BADAN	MUATAN TEMPAT DUDUK	JENAMA KENDERaan	MODEL KENDERaan
1									
2									
3									

Nota

- a) Semua maklumat hendaklah diisi dengan format HURUF BESAR;
- b) No pendaftaran kenderaan hendaklah dimasukkan tanpa space;
- c) Nama pemilik, no ID pemilik, tarikh pendaftaran JPJ, kelas kegunaan, jenis badan, muatan tempat duduk, jenama dan model kenderaan hendaklah dimasukkan sebagaimana di Sijil Pemilikan Kenderaan/ Geran.

4) Senarai maklumat tempahan

BIL	NO PEND KENDERAAN	NAMA PENUMPANG	JUMLAH PENUMPANG	TARIKH	MASA MULA	MASA TAMAT	LOKASI MULA	LOKASI TAMAT	JARAK PERJALANAN	JUMLAH TAMBANG	KATEGORI PENGGUNA
1											
2											

Nota

- a) Semua maklumat hendaklah diisi dengan format HURUF BESAR;
- b) No pendaftaran kenderaan hendaklah dimasukkan tanpa space;
- c) Nama penumpang hendaklah dimasukkan dengan nama sebenar sebagaimana di Kad Pengenalan;
- d) No Kad Pengenalan hendaklah dimasukkan menggunakan format XXXXXX-XX-XXXX (contoh 971010-14-2101);
- e) Tarikh hendaklah dimasukkan menggunakan format XX-XX-XXXX (contoh 20-04-2022);
- f) Masa mula dan tamat hendaklah dimasukkan menggunakan format (h:mm AM/PM) (contoh 10:00 AM);
- g) Lokasi mula dan tamat hendaklah dimasukkan sebagaimana lokasi hentian yang ditetapkan pada aplikasi;
- h) Jarak perjalanan hendaklah dimasukkan berdasarkan perkiraan lokasi mula dan tamat;
- i) Jumlah tambang hendaklah dimasukkan menggunakan format RMX.XX (contoh RM1.50); dan
- j) Kategori pengguna hendaklah dimasukkan berdasarkan pilihan berikut:
 - Dewasa
 - Pelajar berpakaian seragam sekolah rendah atau menengah
 - Warga emas (60 tahun ke atas)
 - Kanak-kanak (di bawah umur 7 tahun)
 - Orang kurang upaya (OKU)